

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 16 MEI 2016
SOALAN :

YB Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan untuk menaikkan taraf kemudahan dan kelengkapan di hospital Kerajaan dan jumlah tenaga pakar yang sedang berkhidmat di seluruh hospital di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf kemudahan di hospital-hospital Kerajaan seluruh negara termasuk di negeri Kelantan selaras dengan perluasan perkhidmatan perubatan yang disediakan di samping dapat menampung kedatangan pesakit yang semakin meningkat. Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang diberi keutamaan bagi meningkatkan prasarana kemudahan hospital sedia ada.

Antara projek-projek hospital utama yang sedang dan telah dilaksanakan di Negeri Kelantan adalah:

- a. Projek menaiktaraf **Hospital Jeli** (tambahan 56 katil) yang telah siap pada 10 April 2016;
- b. Projek menaiktaraf **Hospital Pasir Mas** yang melibatkan pembinaan blok patologi dan telah siap pada tahun 2012. Selain itu, kerja-kerja menaiktaraf perkhidmatan rawatan paliatif telah siap pada 2014;
- c. Projek pembinaan blok rawatan harian (ACC), **HRPZ II** telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada 2015;
- d. Projek bilik bersih farmaseutikal (CDR & TPN) di **HRPZ II** jangka siap pertengahan tahun 2016;
- e. Projek menaiktaraf Unit Tabung Darah **HRPZ II** sedang di peringkat penyediaan dokumen tender. Projek ini dijangka tender pada pertengahan tahun 2016;
- f. Projek **Hospital Kuala Krai** baru (hospital berpakar dengan 268 katil) menggantikan Hospital Kuala Krai sediaada yang sedang di peringkat pembinaan dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2017;

- g. Projek **Hospital Bachok** (76 katil) telah diluluskan pelaksanaannya pada RMK-10 dan sedang di peringkat perlantikan kontraktor; dan
- h. Projek naiktaraf Hospital Tanah Merah telah diluluskan pelaksanaannya di dalam RP1 RMK-11 yang melibatkan pembinaan blok tambahan wad dan dewan bedah.

Di dalam perancangan RMK-11, KKM juga bercadang untuk menaiktaraf Jabatan Patologi serta membina sebuah Kompleks Wanita Dan Kanak-Kanak di HRPZ II. Selain itu, cadangan pembangunan sebuah kompleks dewan bedah di Hospital Machang juga disenaraikan dan sedang menunggu kelulusan Unit Perancang Ekonomi, JPM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mac 2016, terdapat 229 jawatan Pegawai Perubatan Pakar dengan jumlah pengisian sebanyak 233 atau 101.7 peratus telah ditempatkan di tiga (3) buah hospital pakar di negeri Kelantan iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II, Hospital Kuala Krai dan Hospital TanahMerah.